

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Punca penyakit tersebar dikaji
08 May 2011
Berita Minggu
Nasional
N/A
Daily
297,950 / 2,476,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
11
427 cm²
Full Color
11,237
33,712



Punca penyakit tersebar dikaji

KUALA LUMPUR: Pen-
gunjung atau orang
ramai yang memberi ma-
kanan kepada kera di
pusat rekreasi atau pe-
lancongan dikenal pasti
golongan paling berisiko
dijangkiti pelbagai jenis
penyakit dihidap kera jika
berhubung rapat dengan
haiwan berkenaan.

Antara penyakit paling
mudah berjangkit ialah
malaria, cirit birit, mun-
tah dan sakit usus dise-
babkan pemindahan pel-
bagai jenis bakteria term-
asuk Blastocystis, Cryptos-
poridiosis, Salmonellosis
serta penyakit disebabkan
E. coli, tuberculosis dan
hepatitis.

Kajian penyelidik dan
saintis mendapati, kera
juga berisiko menghidap
pelbagai jenis penyakit
dihidap manusia melalui
pemindahan bakteria.

Ketika ini, sekumpulan
penyelidik dan saintis dari-
pada Pusat Kecemerlangan
Kajian Hidupan Liar dan
Fakulti Perubatan Vete-
rinar, Universiti Putra
Malaysia (UPM) dan Jaba-
tan Perlindungan Hidupan
Liar dan Taman Negara
(PERHILITAN) sedang
menjalankan kajian khas
mengenai penyebaran
penyakit dibawa kera ban-
dar kepada manusia.

Pasukan penyelidik UPM
terdiri daripada Dr Sumita
Sugnaseelan, Prof Datuk
Dr Abdul Rani Bahaman,

Prof Madya Dr Shaik Amin
Babjee dan Prof Madya Dr
Abdul Rahim Mutalib

Penyelidik UPM, Dr
Reuben Sharma, berkata,
fokus utama mereka ialah
terhadap penyebaran pe-
nyakit malaria yang dise-
babkan bakteria dan Gas-
trointestinal Protozoa.

"Kita perlu kurangkan
hubungan kera dengan
manusia kerana bukti
menunjukkan ada pen-
yakit berjangkit dan boleh
menimbulkan masalah
kepada monyet liar. Tum-
puan kita ialah mengkaji
bagaimana ia tersebar
serta pembabitian ejen
pengantara," katanya me-
ngulas mengenai penyakit
dibawa kera khususnya
spesies monyet ekor pan-
jang atau monyet bandar.

Katanya, berdasarkan
beberapa penyelidikan,
kera akan menjadi agre-
sif sehingga ke tahap
maksimum apabila diberi
makanan oleh manusia
berpunca daripada bere-
but makanan atau kela-
paran apabila tidak diberi
makanan.

Tabiat suka memberi
makanan itu menyebabkan
kera hilang sikap berdika-
ri mencari makanan sen-
diri hingga sanggup berga-
duh sesama sendiri kerana
terlalu bergantung hidup
kepada manusia terutama
yang tinggal di kawasan
rekreasi atau penempatan
manusia.

Tindakan itu juga akan
mengganggu struktur
sosial kerana itu sehingga
menimbulkan pergaduhan
sehingga membawa kem-
atian dan itulah punca yang
dikatakan haiwan itu
merayau mencari maku-
nan termasuk memecah
masuk rumah dan menye-
longkar sampah.

Dr Reuben mencadang-
kan, kawalan populasi
kera sepatutnya dija-
lankan secara menyeluruh
dengan memberi tumpuan
kepada kera yang hidup berhampiran
manusia terutama di
taman rekreasi atau ping-
gir bandar.

INFO

Penyakit dibawa kera

- Malaria,
- Filariasis
- Giardiasis.
- Batuk kering (Tibi)
- Anjing gila,
- Herpes B
- Berisiko menyebarkan HIV dan Denggi

Bakteria: yang menyebabkan cirit birit, muntah-muntah dan penyakit usus.

- Blastocystis,
- Cryptosporidiosis
- Salmonellosis
- E. coli
- Tuberculosis (Tibi)
- Hepatitis.



KERA liar turut merosakkan harta benda.